

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos/September 1998**

**FEK 203.2 - Pengenalan Ubat-ubatan Tradisional  
dan Farmakognosi**

**Masa: (2 jam)**

---

Kertas ini mengandungi **LIMA (5)** soalan dan 3 muka surat yang bertaip.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

- I. (A) Bandingkan aspek-aspek epistemologi, ontologi dan aksiologi dalam sistem perubatan moden dan sistem perubatan holistik. (9 markah)
- (B) Terangkan ciri-ciri utama yang ditekankan dalam pendaftaran ubat tradisional oleh Kementerian Kesihatan Malaysia masa kini. (8 markah)
- (C) Berikan nasihat umum yang harus disampaikan oleh seorang ahli farmasi kepada pelanggan/pengguna ubat herba dari segi keselamatan, kualiti dan indikasi. (8 markah)
- II. (A) Terangkan bagaimana kawalan mutu menyeluruh dilaksanakan dalam pengilangan ubat tradisional. (9 markah)
- (B) Apakah parameter-parameter yang sering digunakan bagi membuktikan kualiti bahan ubat tradisional. (8 markah)
- (C) Terangkan ujian-ujian lazim bagi keselamatan yang dilakukan terhadap ubat tradisional di Malaysia. (8 markah)
- III. (A) Cadangkan aktiviti-aktiviti yang harus dilakukan dalam suatu Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) bagi Tumbuhan Ubat di Malaysia. (13 markah)
- (B) Mengapakah Amalan Perkilangan Baik (APB) dilaksanakan bagi Ubat Tradisional di Malaysia. Terangkan secara umum ciri-ciri APB tersebut. (12 markah)

.....3/-

(FEK 203)

- IV. (A) Terangkan peraturan mengenai aspek kemujaraban (efficacy) bagi ubat tradisional yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. (8 markah)
- (B) Mengapakah perlu dilakukan kajian mikroskopi terhadap herba? Terangkan ciri-ciri yang diperhatikan dalam analisis mikroskopi. (8 markah)
- (C) Terangkan perbezaan, kelebihan dan kelemahan kaedah-kaedah Kromatografi Lapisan Tipis (TLC) dan Kromatografi Cecair Kecekapan Tinggi (HPLC) bagi analisis herba. (9 markah)
- V. (A) Terangkan konsep dan ciri-ciri petanda (marker) bagi bahan tumbuhan ubat bersamaan dengan contoh yang sesuai. (8 markah)
- (B) Terangkan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai ujian-ujian keselamatan dan kemujaraban ubat herba. (9 markah)
- (C) Terangkan kebaikan dan kelemahan sediaan ubat tradisional yang disediakan *in situ* (semasa diperlukan) dengan yang dikilangkan dari segi perundangan, keselamatan dan kualiti. (8 markah)

oooOOOooo

